

26/06/2002

Lapan ketetapan mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno

KENYATAAN Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dibacakan oleh Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, pada sidang akhbar selepas mesyuarat khas MT semalam.

MESYUARAT khas Majlis Tertinggi Umno yang diadakan hari ini adalah untuk menerima laporan hasil pertemuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Jawatankuasa Pengurusan Umno yang telah diberi mandat untuk berjumpa Perdana Menteri oleh mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno yang diadakan pada 22 Jun 2002, jam 8 malam. Pertemuan itu telah diadakan pada 23 Jun 2002, jam 9 pagi di Seri Perdana, Putrajaya.

Setelah Majlis Tertinggi Umno mendengar laporan dari Jawatankuasa Pengurusan dan berbincang mengenai perkara itu, maka Majlis Tertinggi Umno telah mengambil maklum mengenai perkara-perkara berikut:

1. Majlis Tertinggi Umno menerima dan mengesahkan laporan Jawatankuasa Pengurusan di mana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghargai kepercayaan ahli Umno dan rakyat agar beliau terus menerajui kepimpinan parti dan negara. Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memutuskan untuk tetap berundur dan melepaskan semua jawatan beliau dalam Umno, Barisan Nasional (BN) dan kerajaan.

2. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menetapkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti beliau dan Majlis Tertinggi memberi sokongan sebulat suara mengenai keputusan itu.

3. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menetapkan peletakan jawatan beliau akan berlaku selepas Persidangan Kemuncak Negara-Negara Islam (OIC) yang akan diadakan pada 24 hingga 25 Oktober 2003.

4. Dalam tempoh masa sebelum Persidangan OIC berkenaan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan terus memegang semua jawatan beliau dalam Umno, Barisan Nasional dan kerajaan termasuk jawatan Menteri Kewangan.

5. Dalam tempoh masa sebelum Persidangan OIC berkenaan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengambil cuti selama dua bulan di mana Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan dilantik sebagai Pemangku Presiden Umno dan Pemangku Perdana Menteri.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga akan memangku jawatan Presiden Umno dan Perdana Menteri pada bila-bila masa yang lain Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil cuti dalam tempoh masa berkenaan.

6. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menjelaskan bahawa masa peletakan jawatan seperti mana yang ditetapkan adalah untuk membolehkan peralihan kuasa dan tugas-tugas secara teratur dan juga untuk memenuhi tanggungjawab yang beliau merasakan perlu dipenuhi, seperti mempengerusikan Persidangan Kemuncak Negara-Negara Berkecuali pada 24 dan 25 Februari 2003 dan Persidangan Kemuncak OIC.

7. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menjelaskan bahawa selepas peletakan jawatan di dalam Umno, Barisan Nasional dan kerajaan, beliau akan terus menyumbang tenaga dan pandangan untuk kemajuan parti Umno.

8. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghendaki semua ahli Umno sentiasa bekerjasama dan mengukuhkan parti untuk kejayaan perjuangan Umno.

Maka dengan itu:

Majlis Tertinggi Umno menghormati dan menerima hasrat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seperti mana yang dinyatakan di atas.

Majlis Tertinggi Umno juga menyeru kepada ahli-ahli parti untuk menghormati hasrat yang telah disampaikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ahli-ahli parti pada waktu ini perlulah bersatu, bersama-sama

mengukuhkan kedudukan parti bagi menghadapi cabaran meneruskan perjuangan untuk bangsa, agama dan negara.